

### Penjagaan anak tak sahtaraf

Penjagaan kanak-kanak tak sahtaraf adalah semata-mata pada ibu dan saudara mara ibu.

### Tatacara Pendaftaran Kes

- (i) Tuntutan hendaklah dimulakan dengan memfailkan Saman dan Penyata Tuntutan di Mahkamah Tinggi Syariah.
- (ii) Dokumen pendaftaran kes hendaklah difailkan seperti berikut:
  - ✓ Surat iringan pemfailan kes
  - ✓ Penyata tuntutan
  - ✓ Salinan kad pengenalan plaintif
  - ✓ Salinan sijil cerai
  - ✓ Wakalah Peguam Syarie (jika guna khidmat peguam)
  - ✓ Lain-lain dokumen berkaitan tuntutan (jika ada)

### NOTA PERINGATAN:

Segala maklumat di dalam risalah ini hanyalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah di dalam mana-mana prosiding mahkamah.

### ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SABAH  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH  
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-257032 088-258549  
FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA KINABALU  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH  
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-256570 FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BEAUFORT  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH BEAUFORT,  
PETI SURAT 624, 89808 BEAUFORT  
TEL:087-221434 FAKS:087-221442

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SANDAKAN  
BANGUNAN URUSETIA NEGERI  
PETI SURAT 3317, 90737 SANDAKAN  
TEL:089-670150, 089-670154, 089-670155  
FAKS:089-670150

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAWAU  
BANGUNAN MOKKA HOLDING, JALAN ABACA,  
PETI SURAT 1882  
91043 TAWAU  
TEL:089-765942, 089-760908  
FAKS:089-765942

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUDAT  
TINGKAT 2, BANGUNAN URUSETIA DAERAH  
PETI SURAT 286, 89058 KUDAT  
TEL:088-611804 FAKS:088-611804

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KENINGAU  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH KENINGAU  
PETI SURAT 184, 89008 KENINGAU  
TEL:087-336227, FAKS:087-339980

### JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

TINGKAT 3, BANGUNAN USIA  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-253579 FAKS:088-219066



## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

# TUNTUTAN HAK PENJAGAAN ANAK (HADHANAH)

(Seksyen 82 - 85 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sabah No. 8 Tahun 2004.)





### Definisi

Tuntutan Hak Jagaan (Hadhanah) ke atas anak/anak-anak dalam tempoh perkahwinan atau selepas berlaku perceraian atau berlakunya kematian. Tuntutan boleh difailkan oleh salah seorang suami/isteri atau waris yang dibenarkan oleh Hukum Syarak.

### Susunan keutamaan orang yang berhak

Jika seseorang ibu hilang kelayakan hak penjagaan maka hak itu hendaklah berpindah kepada salah seorang yang berikut mengikut susunan keutamaan iaitu:

- (a) Nenek sebelah ibu hingga ke atas;
- (b) Bapa ;
- (c) Nenek sebelah bapa hingga ke atas;
- (d) Kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- (e) Kakak atau adik perempuan seibu;
- (f) Kakak atau adik perempuan sebapa;
- (g) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- (h) Anak perempuan dari kakak

atau adik perempuan seibu;

- (i) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan sebapa;
- (j) Emak saudara sebelah ibu;
- (k) Emak saudara sebelah bapa;
- (l) Waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai 'asabah atau residuari:

Dengan syarat penjagaan orang demikian tidak menjejaskan kebajikan kanak-kanak itu.

### Kelayakan-kelayakan penjaga

- (a) Seorang Islam;
- (b) Sempurna akal;
- (c) Mempunyai umur yang melayakkan dia memberi jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu;
- (d) Berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah; dan
- (e) Tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.

### Bagaimana hak penjagaan hilang?

- (a) Jika perempuan itu berkahwin dengan seorang yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu, yang orang itu dilarang berkahwin dengan kanak-kanak itu, jika penjagaannya dalam hal sedemikian akan menjejaskan kebajikan kanak-kanak itu tetapi haknya untuk penjagaan akan kembali semula jika perkahwinan itu dibubarkan;
- (b) Jika perempuan itu berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka;
- (c) Jika perempuan itu menukar pemastautinannya dengan tujuan untuk mencegah bapa kanak-kanak itu dari menjalankan pengawasan yang perlu ke atas kanak-kanak itu, kecuali bahawa seseorang isteri yang bercerai boleh mengambil anaknya sendiri ke tempat lahir isteri itu;
- (d) Jika perempuan itu *murtad*;
- (e) Jika perempuan itu mencuaikan atau menganiaya kanak-kanak itu.